

Newspaper
Date

Berita Harian
6 March 2016

Komentaar

Gerakan Dr Mahathir perlu ditangani secara bijaksana

BH - 6/3/2016



**DR MOHD
AZIZUDDIN
MOHD SANI**

azizuddin@uam.edu.
com.my

» Masa terbaik nilai tokoh jalin kerjasama dengan pembangkang

Jumaat lalu, Malaysia dikejutkan dengan tindakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Tan Sri Muhyiddin Yassin duduk semeja bersama pemimpin pembangkang dari DAP, PKR, Amanah, PAS serta beberapa pertubuhan bukan kerajaan seperti Bersih dan Pusat Memerangi Rasuah dan Kronisme (C4) melancarkan deklarasi rakyat.

Yang menarik, Dr Mahathir boleh duduk semeja dengan Lim Kit Siang, musuh utama beliau, manakala Datuk Seri Anwar Ibrahim turut memberi persetujuan

untuk capai matlamat politik yang diagendakan. Mereka juga cuba bergerak di atas nama rakyat, namun hakikatnya setiap yang hadir melancarkan deklarasi itu mewakili parti tertentu.

Tiga persepsi umum dibangkitkan mengenai kerjasama politik diketuai Dr Mahathir. Jelas di dalam kenyataan akhbar beliau bahawa tiada perancangan khusus dibuat sekiranya Najib berjaya dijatuhkan.

Bagi mereka dengan apa cara pun, Perdana Menteri harus diturunkan. Ini agak membimbangkan kerana jelas Najib tidak akan dapat diturunkan kecuali melalui pilihan raya atau pemilihan UMNO, dua atau tiga tahun lagi.

Bukan pilihan ideal

Yang jelas, sekiranya gerakan Dr Mahathir ini mampu wujudkan momentum sehingga pilihan raya umum akan datang, bukan sahaja Najib diturunkan, malah UMNO dan Barisan Nasional (BN) juga ditumbangkan. Persepsi kedua, adakah langkah Dr Mahathir bersama pembangkang akan melancarkan revolusi rakyat, bermula dengan perhimpunan anti-Najib pada 27 Mac.

Meskipun sistem demokrasi mengizinkan demonstrasi sivil secara aman, namun langkah revolusi bukan pilihan ideal, malah boleh kucar-kacirkan nega-

ra seperti Kebangkitan Arab (Arab Spring).

Melihat kepada situasi ekonomi, budaya politik dan sosial masyarakat Malaysia kini, revolusi bukan cara sesuai menjatuhkan pemimpin di Malaysia. Pembangkang juga rasa pilihan raya cara terbaik menukar kerajaan dan pemimpin.

Persepsi ketiga pula mula melihat bahawa ini adalah satu langkah terdesak dan penghabisan bagi Dr Mahathir selepas usahanya gagal menjatuhkan Najib dari dalam UMNO, lalu terpaksa melakukannya di luar UMNO dengan cara bekerjasama dengan pembangkang.

Najib jelas memperkukuh kekuatannya dalam parti dan kerajaan. Pihak bermusuhan dengan Najib dikesepikan bagi memudahkan beliau mentadbir parti dan kerajaan. Ini mengecewakan Dr Mahathir, menyebabkan beliau lucut keahliannya sendiri dari UMNO.

Cuba pengaruhi rakyat

Yang pasti, Dr Mahathir, Anwar dan pemimpin yang hadir Jumaat lalu mampu mempengaruhi rakyat untuk menentang dan menjatuhkan Najib dan BN. Kita tidak dapat tolak kemungkinan mereka guna sentimen isu ekonomi, khususnya kejatuhan harga minyak, GST, 1MDB, kos hidup tinggi dan sebagainya untuk melemahkan kerajaan BN.

Bagi saya, kekuatan mereka yang ada sekarang masih lagi di tahap minimal dan tidak mampu menggugat Najib dan kerajaan BN.

Namun, sekiranya Najib dan barisan kepemimpinan UMNO dan BN tidak tangani gerakan diketuai Dr Mahathir ini secara berkesan dan bijaksana, ia boleh gugat BN dan Najib sendiri.

Kebimbangan rakyat melalui tinjauan yang saya lakukan ialah adakah kerjasama diusahakan Dr Mahathir ini akan berjaya kerana tiada agenda jelas menyatu atau mengikat gerakan itu, selain hanya usaha menjatuhkan Najib dan adakah usaha berkenaan akan menjadikan Malaysia lebih makmur atau lebih buruk kestabilan politiknya.

Bagi saya, jawapan ini terletak kepada rakyat sendiri. Sekiranya kestabilan yang dimahukan, maka wujudlah kestabilan. Rakyat Malaysia semakin matang menilai. Ini masa terbaik rakyat menilai tokoh seperti Dr Mahathir yang mewujudkan kerjasama dengan pembangkang. Realitinya, selagi UMNO mahu Najib sebagai Presiden dan Perdana Menteri, kedudukan itu sukar digugat buat masa kini.



Penulis

ialah Prof Madya di Pusat Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM)